

11 MAR 1999

Mahathir-Sabah (Labuan)

DR MAHATHIR PERJELAS PENYERAHAN LABUAN

KUDAT, 11 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas bekas Ketua Menteri Sabah Datuk Harris Salleh kerana memutar belitkan fakta berhubung penyerahan Labuan kepada kerajaan pusat pada 1984.

Dr Mahathir merujuk kepada kempen parti Bersekutu pimpinan Harris yang menuduh Kerajaan Pusat "merampas" Labuan.

"Siapa yang bagi. Saya tak minta, saya nak tanya, Harris saya minta ataupun tidak? Dia yang tawar... dia suruh Kerajaan Pusat memerintah Labuan," kata Dr Mahathir semasa berucap di sini bagi membantu kempen pilihan raya calon-calon Barisan Nasional (BN).

Penduduk Sabah akan mengundi esok dan Sabtu pada pilihan raya negeri kali kesembilan dengan pertandingan kali ini dianggap sebagai antara yang paling sengit dalam sejarah pilihan raya negeri itu.

Perdana Menteri berkata Harris menyerahkan Labuan untuk dibangunkan menerusi peruntukan kewangan Kerajaan Pusat supaya apabila dibangunkan wilayah itu akan membangun pesat dan harga tanah meningkat berkali ganda serta menguntungkan rakyat.

Dr Mahathir berkata: "sebab itu Datuk Harris serah Labuan kepada Kerajaan Pusat. Sekarang ini dia pula bercakap bahawa kononnya kerajaan pusat rampas, rampas apa dia serah atas talam perak kepada Kerajaan Pusat".

"Ini nak main sentimen orang Sabah, nak bangkitkan kemarahan Sabah kononnya Kerajaan Pusat ambil Labuan. Bukan Kerajaan Pusat yang ambil, dia (Salleh) yang bagi," kata beliau dengan tepukan gemuruh serta diiringi ketawa daripada lebih 6,000 penyokong BN.

Perdana Menteri berkata, Parti Bersatu Sabah (PBS) -- pimpinan Datuk Joseph Pairin Kitingan turut memainkan sentimen perkauman bahawa kononnya Sabah hanya wajar diperintah oleh rakyat Sabah tanpa ada campur tangan daripada Kerajaan Pusat.

"Dia (Pairin) selalu membangkitkan semangat "Sabah for Sabahan", "Kadazan for Kadazan" dan Bumiputera untuk Bumiputera. Ini adalah cara yang tidak sihat dan terlalu sempit kerana dengan itu apa sebabnya Kerajaan Pusat harus menolong Sabah," katanya.

Beliau berkata rakyat Sabah telah menyedari helah PBS selama ini kerana setelah mendapat peluang memerintah negeri itu tidak ada kemajuan dilaksanakan sebaliknya para pemimpin parti itu mengaut keuntungan segera dengan memonopoli hasil balak negeri itu.

Dr Mahathir juga berkata PBS telah sampai ke tahap sanggup mengeluarkan fitnah dengan mendakwa beliau diberikan tanah di Keningau.

Ini, kata beliau adalah untuk menggambarkan pemimpin pusat tamakkan harta dan ini boleh menimbulkan kebencian terhadap pemimpin dan Kerajaan Pusat.

Sambil menafikan dakwaan itu, Dr Mahathir berjenaka: "Saya tak pernah ambil tanah di manapun...saya hanya nak tanah yang tiga 3 kali enam (3 x 6)" kata beliau merujuk kepada tanah kubur.

"Yang itu kita semua dapat, tak payah beli... jadi tak apalah kalau Pairin nak tanah di Keningau ini minta sahajalah daripada kerajaan BN dan kita akan bagi, 3 x 6," katanya dengan tersenyum.

-- BERNAMA

RAR PR